



جَاهِدُكَ مَا كُنْتَ تَكْرِي جَوْهَرَ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (52)
Takwim : 19 Muharam 1447H
Tarikh : 14 Julai 2025

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Pendaftar-pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR BILANGAN 6 TAHUN 2025

Permohonan Perceraian Melalui Permohonan dan Afidavit

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil. 2/2025 bertarih 18 Jun 2025 bersamaan 21 Zulhijjah 1446H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Permohonan Perceraian di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 hendaklah dibuat melalui Permohonan dan Afidavit (Borang MS 3 dan Borang MS 26) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

2. Afidavit tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 47(1) (a) hingga (g) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.

3. Selepas menerima permohonan tersebut, Mahkamah hendaklah mengeluarkan satu saman di bawah Seksyen 47(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 dengan menggunakan borang sebagaimana Lampiran A.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 16 Julai 2025.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

LAMPIRAN A

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
SEKSYEN 47(2)**

SAMAN

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI
DI NEGERI JOHOR
PERMOHONAN NO :

ANTARA

.....

...PEMOHON

(No. K/P :)

DENGAN

.....

...RESPONDEN

(No. K/P :)

Kepada (Responden yang dinamakan di atas)
yang beralamat di

Anda dengan ini disaman supaya hadir sama ada sendiri atau melalui Peguam Syarie anda di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Johor pada hari pada haribulan 20..... pukul..... pagi/petang, untuk membolehkan Mahkamah menyiasat sama ada anda bersetuju atau tidak terhadap perceraian yang dimohon oleh Pemohon yang dinamakan di atas, yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Permohonan dan Afidavit yang disertakan bersama-sama ini.

Ambil perhatian bahawa jika anda ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran anda.

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar